

117.

NO SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

**TARIKH : 29.03.18
(Khamis)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pampasan, skim pemindahan, kebajikan dan keadaan penduduk Kg Sabang, Kg Lok Butah dan Kg. Lok Matas di Sepanggar yang terlibat dalam pembinaan pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia pada tahun 2001. Status penempatan atas air penduduk terlibat masih tidak diketahui.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah mengenal pasti 708 setinggan yang menduduki tapak projek yang berkenaan.

Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM 4 juta untuk bayaran saguhati yang meliputi bayaran pampasan dan bayaran lot-lot tanah dan telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah pada 24 Januari 1998.

Seramai 275 penduduk telah dikenal pasti layak menerima saguhati dan lot-lot tanah kosong dari Kerajaan Negeri Sabah.

Manakala sebanyak 433 setinggan telah disediakan rumah penempatan baharu di Kampung Numbak yang disediakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan peruntukan sebanyak RM 7 juta melalui Kementerian Pertahanan. Projek ini telah siap dilaksanakan dan penyerahan projek kepada kerajaan negeri Sabah telah dibuat pada 25 Mac 2002.